

SURAT PEKELILING ICT NO. 6/2011

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri

PERKARA: **PEMBANGUNAN LAMAN WEB DINAMIK**

RUJ. KAMI: JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1 (10)

TARIKH: 29 Ogos 2011

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah lanjutan daripada Surat Pekeliling ICT No. 1/2008 – Garis Panduan Pembangunan dan Penyelenggaraan Laman Web/Portal Kerajaan Negeri Sarawak.
- 1.2 Semua agensi Kerajaan Negeri **DIWAJIBKAN** menukar laman web agensi daripada laman web statik kepada laman web dinamik yang berkonsepkan Sistem Pengurusan Kandungan (*Content Management System*).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menetapkan kriteria-kriteria portal atau laman web yang perlu dipenuhi oleh semua agensi Kerajaan di seluruh negara. Tujuannya adalah bagi memastikan portal atau laman web Kerajaan menjadi saluran rasmi yang berkesan untuk orang awam mencapai maklumat dan perkhidmatan kerajaan.
- 2.2 Kriteria-kriteria tersebut hanya dapat dicapai sekiranya laman web atau portal dibangunkan dengan konsep sistem pengurusan kandungan. Selaras dengan usaha tersebut, Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri telah membangunkan kemudahan perisian "*Dynamic Website Template*" yang boleh diguna pakai oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri.

3. ANALISA

- 3.1 Berdasarkan kepada pemantauan ke atas laman web agensi Kerajaan Negeri yang telah dijalankan oleh Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri, terdapat 32 agensi yang **MASIH** menggunakan laman web statik atau menggunakan kemudahan

blog yang sedia ada. Ia tidak selaras dengan keperluan dan kriteria pembangunan laman web yang ditetapkan oleh MAMPU. Ia telah menyebabkan prestasi dan pencapaian status pengemaskinian laman web Kerajaan Negeri secara keseluruhan tidak memuaskan.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Semua agensi perlu membangunkan laman web menggunakan konsep sistem pengurusan kandungan dan memenuhi segala kriteria yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ICT No. 1/2008 serta kriteria baru yang diumumkan oleh ICT Unit, Jabatan Ketua Menteri dari masa ke semasa.
- 4.2 Agensi yang masih mengekalkan laman web statik menggunakan "*html*" **DIWAJIBKAN** untuk membangun semula laman web menggunakan konsep sistem pengurusan kandungan atau perisian "*Dynamic Website Template*" yang disediakan oleh Unit ICT dalam tempoh **TIGA BULAN** mulai tarikh Surat Pekeliling ini berkuat kuasa.
- 4.3 Agensi-agensi yang memerlukan sebarang bantuan teknikal atau latihan menggunakan perisian "*Dynamic Website Template*" dikehendaki berhubung dengan Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Surat Pekeliling ini diedarkan secara dalam talian di Berita SarawakNet dan juga di Laman Pekeliling Kerajaan Negeri.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI HAJI ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Sarawak